

PANADOL EXTEND CAPLET 665MG

Paracetamol (665mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Panadol Extend Caplet 665mg
2. Bagaimana Panadol Extend Caplet 665mg berfungsi
3. Sebelum menggunakan Panadol Extend Caplet 665mg
4. Cara menggunakan Panadol Extend Caplet 665mg
5. Semasa menggunakan Panadol Extend Caplet 665mg
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Panadol Extend Caplet 665mg
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Panadol Extend Caplet 665mg

Panadol Extend Caplet 665mg adalah satu formula untuk melegakan demam dan kesakitan ringan hingga sederhana) termasuklah sakit kepala, migrain, sakit gigi, sakit selepas prosedur pergigian, sakit otot dan sendi, sakit osteoarthritis, sakit reumatik, senggugut, sakit selepas vaksinasi, sakit tekak dan ketidakselesaan akibat selsema dan influenza.

Bagaimana Panadol Extend Caplet 665mg berfungsi

Paracetamol dalam Panadol Extend Caplet 665mg dapat menghentikan mesej kesakitan daripada sampai kepada otak. Paracetamol juga bertindak di dalam otak untuk mengurangkan demam. Kombinasi paracetamol yang memberi kelegaan segera dan berterusan memberikan kelegaan kesakitan sertamerta yang boleh berlarutan sehingga 8 jam.

Sebelum mengambil Panadol Extend Caplet 665mg

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil ubat ini sekiranya anda alah kepada paracetamol atau kandungan lain dalam ubat ini.

Jangan ambil Panadol Extend Caplet 665mg jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil Panadol Extend Caplet 665mg jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum mula mengambil

Rujuk dengan doktor anda sebelum guna jika anda:

- Mempunyai masalah kerosakan hati atau buah pinggang
- kurang berat badan atau kekurangan zat makanan.
- kerap minum alkohol.

Anda mungkin perlu untuk mengelakkan menggunakan produk ini sama sekali atau menghadkan jumlah paracetamol yang anak anda ambil.

Rujuk dengan doktor anda sebelum guna jika anda:

- Mempunyai jangkitan yang teruk kerana ini boleh meningkatkan risiko asidosis metabolik. Tanda-tanda asidosis metabolik termasuklah pernafasan yang panjang, pantas dan sukar, mual (rasa loya), sakit (muntah), hilang selera makan. Rujuk doktor dengan segera jika anda mendapat kombinasi gejala-gejala seperti ini.

Sila jumpa doktor atau ahli farmasi jika gejala masih berlarutan.

REAKSI ALAHAN: Paracetamol boleh menyebabkan reaksi kulit yang teruk. Gejala boleh termasuk kemerahan kulit, lepuh dan ruam. Ini mungkin tanda-tanda keadaan serius. Jika reaksi ini berlaku, berhenti menggunakan ubat ini dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

- Jika mengambil ubat-ubat lain Rujuk dengan doktor anda sebelum guna jika anda mengambil warfarin atau ubat-ubatan yang serupa bagi mencairkan darah.

Jangan gunakan ubat ini jika anak anda mengambil mana-mana preskripsi atau bukan preskripsi ubat-ubatan lain yang mengandungi paracetamol untuk merawat kesakitan, demam, gejala sejuk dan selesema, atau untuk membantu tidur. Sentiasa membaca dan mengikuti label.

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang

dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan. Sesetengah ubat-ubatan dan produk ini boleh mengganggu satu sama lain.

Ubat ini mengandungi PARACETAMOL. Jangan mengambil sebarang ubat-ubatan lain yang mengandungi paracetamol pada masa yang sama.

Cara menggunakan Panadol Extend Caplet 665mg

- Berapa banyak harus digunakan

Orang dewasa (termasuk warga tua) dan kanak-kanak berusia 12 tahun ke atas: 2 kaplet Diambil 3 kali sehari. Setiap 6-8 jam bila perlu [maksimum 6 kaplet dalam tempoh 24 jam].

Dos paling rendah yang dapat memberi keberkesanan harus digunakan untuk tempoh rawatan yang paling singkat.

Selang minimum antara dos: 6 jam.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan Teruskan penggunaa ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Jika kesakitan berlarutan untuk lebih daripada 3 hari, sila jumpa doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika disyaki atau terambil dos berlebihan, dapatkan rawatan perubatan serta merta kerana risiko kerosakan hati. Lebihan dos paracetamol boleh menyebabkan kegagalan hati.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Panadol Extend Caplet 665mg

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doctor atau arahan dalam pek..

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Panadol Extend Caplet 665mg.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Pastikan anda tidak ambil lebih 4000mg Paracetamol sehari.
- Ciri-ciri kelegaan berpanjangan akan hilang sekiranya kaplet ini dikunyah atau dihisap.
- Jangan mengambil lebih daripada dos yang disyorkan.
- Pastikan anda tidak ambil lebih kerap daripada setiap 6 jam.
- Pastikan anda tidak mengambil ubat lain yang juga mengandungi paracetamol pada masa yang sama.
- Tidak disyorkan untuk kanak-kanak di bawah 12 tahun
- Jangan ambil produk ini untuk lebih daripada 3 hari tanpa nasihat doktor.
- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Panadol Extend Caplet 665mg dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Paracetamol boleh menyebabkan alahan kulit yang teruk. Gejala boleh termasuk kemerahan kulit, lepuh dan ruam.

Kesan-kesan sampingan

Hentikan pengambilan ubat ini dan beritahu doktor atau ahli farmasi serta-merta jika anda:

- mengalami reaksi alahan seperti ruam kulit atau gatal-gatal, adakala beserta masalah bernafas atau bengkak bibir, lidah, tekak atau muka.
- mengalami ruam kulit atau pengelupasan atau ulser dalam mulut
- pernah mengalami masalah pernafasan dengan aspirin atau ubat anti-radang tanpa steroid, dan mengalami reaksi yang sama dengan produk ini.
- mengalami lebam atau pendarahan yang tidak diketahui puncanya

Reaksi ini jarang berlaku. Reaksi hipersensitiviti kulit termasuk ruam kulit, angioedema, Stevens Johnson Syndrome/ Nekrolisis Epidermis Toksik telah dilaporkan.

Seperti ubat-ubatan lain, Panadol Extend Caplet 665mg boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adverse Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Panadol Extend Caplet 665mg

- Penyimpanan

Jauhkan semua ubat daripada pandangan dan capaian kanak-kanak. Simpan dibawah suhu 30 °C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet bersalut lapisan licin putih ke putih pudar yang berbentuk kapsul, yang ditanda dengan '8' pada satu permukaan dan kosong di permukaan yang lain.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Paracetamol

- Bahan tidak aktif
Hypromellose
Povidone
Pregelatinised starch
Magnesium Stearate
Croscarmellose sodium
Stearic acid
Triacetin
Carnauba wax

- Nombor MAL

MALXXXXXXXXXXCRZ

Pengilang

Milan Laboratories (India) Pvt. Ltd.
Plot No. - Z- 96 / A, Dahej Sez Phase - 2,
City. Dahej - 392 130, Dist.- Bharuch,
Gujarat State, India.

Pemegang Pendaftaran Produk

Haleon Malaysia Sdn. Bhd.
Lot 89 Jalan Erogang,
Ampang/ Hulu Kelang Industrial Estate,
68000, Ampang, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

30/10/2025

Nombor Siri

NPRA (R2) 25/181